

**AKHBAR** : BERITA HARIAN  
**MUKA SURAT** : 1  
**RUANGAN** : MUKA HADAPAN



AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : MINDA PENGARANG

## Minda Pengarang



### KKM perlu segera kawal produk vapeancam remaja, kanak-kanak

Tanpa penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) antara lain menangani peningkatan penghisap rokok elektronik (e-rokok) dan vape dalam kalangan remaja serta kanak-kanak, usaha mengatasinya boleh diibaratkan apabila 'kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi'. Malangnya senario 'vakum' undang-undang ini membahayakan kesihatan dan nyawa seperti kes terbaharu membabitkan seorang pelajar Tingkatan Empat alami sawan dan tidak sedarkan diri dipercayai mengambil vape *magic mushrooms*.

Ini bukan kes terpencil kerana Kementerian Kesihatan (KKM) menerima 17 kes penyakit paru-paru, iaitu *E-Cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI)* berpunca penggunaan produk itu hingga Jun tahun lalu dengan kes seorang remaja perempuan 16 tahun dilaporkan meninggal dunia disyaki akibat EVALI serta mempunyai sejarah menghisap vape tiga tahun. Sebanyak 69 kes keracunan vape dalam kalangan kanak-kanak dilaporkan dari 2015 hingga Ogos 2023 termasuk mangsa berusia dua tahun keracunan nikotin akut dipercayai tertelan cecair vape pakai buang di Bera.

Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022 menunjukkan peningkatan e-rokok atau vape hingga 5 peratus, iaitu daripada 9.8 peratus pada 2017 kepada 14.9 peratus (2022) termasuk remaja perempuan, iaitu daripada 2.8 peratus kepada 6.2 peratus. Ia bukan sahaja mencengkam sekolah menengah, bahkan menular di sekolah rendah dengan peranti pelbagai bentuk daripada sistem pod dan mod hingga pen hatta menyerupai mainan.

Justeru, kita mendesak kerajaan menyegerakan penguatkuasaan Akta 852 sepenuhnya seperti dijanjikan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan tidak lagi menangguhkannya seperti sebelum ini hingga dipersoal banyak pihak termasuk Persatuan Farmasi Malaysia (MPS). Kita tak mahu mendengar alasan penangguhan seperti menunggu proses kelulusan dan pengesahan Jabatan Peguam Negara (AGC) kerana penjualan vape sudah lebih setahun bermaharajalela ibarat undang-undang rimba sejak nikotin dikecualikan daripada Akta Racun.

Penguatkuasaan Akta 852 juga perlu dilakukan menyeluruh dengan pihak didapati menjual produk berkenaan kepada remaja dan kanak-kanak dikenakan hukuman maksimum, selain disenaraihitamkan. Malah, kita mahu melihat ia dikuatkuasakan seperti dibuat KKM ketika Dzulkefly mengetuainya pada 2018 hingga 2020 apabila melakukan operasi penguatkuasaan larangan merokok di premis awam termasuk restoran secara besar-besaran.

KKM dengan kerjasama semua seperti Kementerian Pendidikan (KPM), pertubuhan bukan kerajaan kesihatan dan belia perlu mengadakan kempen kesedaran secara intensif dengan menyasarkan institusi pendidikan untuk mendidik murid dan pelajar mengenai bahaya produk berkenaan. Kita tak boleh membiarkan 'tikus' terus melompat tinggi hanya kerana kelewatan memberikan 'gigi' kepada agensi penguat kuasa kerana padahnya kini bukan sahaja membahayakan kesihatan remaja dan kanak-kanak, bahkan boleh mengancam nyawa mereka.



AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

## KKM usaha padankan pakar perubatan seiring pembangunan infrastruktur

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) akan berusaha untuk memadankan pakar perubatan seiring dengan pembangunan infrastruktur berdasarkan keperluan setempat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pelaksanaan itu susulan perbincangan menerusi Mesyuarat Tindakan Pembangunan KKM yang dipengerusikan beliau semalam.

"Ada rakan yang berpesan agar pakar perubatan yang dilatih nanti dapat dipadankan seiring dengan pembangunan infrastruktur.

"Insya Allah, saya akan pastikan dua perkara. Pertama pembangunan infrastruktur adalah selari keperluan setempat.

"Saya akui banyak kawasan mengalami kesesakan, fasiliti daif atau kedua-duanya, namun ini sedang ditangani. Bukan hanya di Sabah dan Sarawak, malah di Johor dan Kelantan jua," katanya dalam kenyataan menerusi laman Facebook semalam.

### Agihan sumber manusia

Beliau berkata, perkara kedua adalah menangani masalah agihan sumber manusia yang tidak sekata dengan memastikan perancangan dan agihan sumber adalah selari dengan pembangunan infrastruktur serta keperluan di akar umbi.

"Bukan kerja sehari dua, namun dengan doa dan sokongan semua, kita akan laksanakan," katanya. BERNAMA



AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : MUKA SEPULUH

# MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Rabu, 31 Julai 2024

## Segerakkan undang-undang kawal vape, e-rokok elak kesan lebih parah

• Lebih menakutkan apabila semakin banyak vape dijual di dalam talian tanpa kawalan, sekali gus menunjukkan betapa mudahnya akses vape dan e-rokok kepada golongan remaja

• Berbanding penjualan rokok dikawal melalui Akta Makanan 1983 sehingga kini tiada akta atau RUU khusus mengawal penjualan vape di pasaran, sedangkan ia sudah memasuki pasaran negara sejak 2012



Oleh Dr Mohd Ihsanuddin Abas  
bhrencana@bh.com.my

Kes keracunan *magic mushroom* oleh seorang remaja di Kemaman, baru-baru ini, sebenarnya tidak mengejutkan kita kerana sehingga kini masih belum ada undang-undang berkesan mengawal penjualan dan akses vape serta e-rokok bukan sahaja kepada golongan itu, bahkan kanak-kanak di negara ini.

Selain kes itu, Kementerian Kesihatan (KKM) menerima 17 kes penyakit paru-paru, iaitu *E-Cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury* (EVALI) berpunca daripada rokok elektronik, termasuk vape sehingga Jun tahun lalu.

Pada masa sama, 69 kes keracunan vape dalam kalangan kanak-kanak dilaporkan dari 2015 hingga Ogos 2023. Antaranya pada 30 Mei tahun lalu, seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun mengalami keracunan nikotin akut selepas dipercayai tertelan cecair daripada peranti rokok elektronik (vape) jenis pakai buang dalam insiden di Bera, Pahang.

Kini terdapat pelbagai jenis peranti vape dan e-rokok dijual di pasaran, antaranya sistem pod, mod dan pen kebanyakannya dalam sistem terbuka yang membolehkan pengguna menukar isian cecair vape mengikut kesukaan mereka.

### Penjualan kreatif tarik kanak-kanak, remaja

Penjualan vape juga semakin kreatif apabila menasarkan kanak-kanak dan remaja dengan bentuk menarik serta berperisa, namun masih boleh terdedah kepada isian cecair bernikotin dan dadah seperti *magic mushroom* ini.

Realitinya, kita di negara ini sudah terlalu lama berada dalam kelompongan undang-undang bagi mengawal produk vape dan rokok elektronik di pasaran menyebabkan penggunaan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja semakin tidak terkawal.

Ini dibuktikan dengan dapatan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) pada 2022 yang menunjukkan peningkatan e-rokok atau vape sehingga 5 peratus, iaitu daripada 9.8 peratus pada 2017 kepada 14.9 peratus (2022).

Peningkatan yang ketara ini turut berlaku dalam kalangan remaja perempuan, iaitu daripada 2.8 peratus pada 2017 kepada 6.2 peratus (2022).

Golongan remaja ini mendapatkan vape dan e-rokok dari kedai runcit serta kedai vape khusus merangkumi 35 peratus, manakala sumber daripada rakan pula hampir sama, iaitu 30 peratus.

Malah, lebih menakutkan apabila semakin banyak vape dijual di dalam talian tanpa kawalan, sekali gus menunjukkan betapa mudahnya akses vape dan e-rokok kepada golongan remaja.

Pendedahan terhadap vape dan e-rokok juga bermula lebih awal, iaitu sejak kanak-kanak apabila semakin ramai lelaki dewasa, termasuk ahli keluarga mereka yang menghisap vape dan e-rokok di hadapan kanak-kanak ini.

Berbanding penjualan rokok dikawal melalui Akta Makanan 1983 sehingga kini tiada akta atau Rang Undang-Undang (RUU) khusus mengawal penjualan vape di pasaran sedangkan ia sudah memasuki pasaran negara sejak 2012.

Lebih mengecewakan lagi apabila cecair nikotin dikeluarkan daripada senarai racun dalam Akta Racun pada 31 Mac tahun lalu bagi membuka ruang kepada percuakaan vape bermula tarikh yang sama.

Pada masa sama, undang-undang kerajaan tempatan berkenaan penjualan vape juga berbeza mengikut negeri. Sehingga kini, hanya Johor mempunyai undang-undang tempatan melarang penjualan vape, namun di negeri lain pembukaan kedai vape adalah tidak terkawal dan tidak berlesen.

Usaha untuk meningkatkan kawalan ke atas penjualan rokok dan vape sudah dimulakan KKM semasa pembentangan RUU Generasi Penamat (GEG) yang dibuat bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaludin pada 2022.

Namun, RUU ini digugurkan setelah dinilai sebanyak dua kali oleh Jawatankuasa Khas Parlimen.

Akhirnya pada November tahun lalu, barulah RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 dibentangkan bekas Menteri Kesihatan pada masa itu, Dr Zaliha Mustafa dan dituluskan di Dewan Rakyat.

Malangnya, peruntukan GEG, iaitu untuk melarang anak yang lahir selepas 2007 secara terus daripada merokok dan menghisap vape telah dikeluarkan.

Sehingga kini sudah hampir sembilan bulan RUU berkenaan sedang digubal dan masih belum dikuatkuasakan, sekali gus menyebabkan peniaga vape dan e-rokok mengambil kesempatan meningkatkan pengaruh dan penjualan 'candu beracun' ini kepada remaja.

Justeru, kerajaan hendaklah membuat penguatkuasaan undang-undang dengan segera sebelum keadaan menjadi lebih parah. Selain itu, sebuah kajian menyeluruh berkenaan penjualan vape kepada remaja dan kesannya kepada kesihatan hendaklah diadakan di sekolah seluruh negara.

Akhir sekali, kempen kesedaran bahaya vape dan rokok hendaklah dipertingkatkan dan disemarakkan di sekolah sebagai kaedah pencegahan awal daripada ketagihan, seterusnya penyakit disebabkan menghisap vape dan rokok.

Usaha bersepadu pelbagai agensi sangatlah diperlukan pada saat ini bagi menyelamatkan generasi masa depan negara daripada bahaya vape dan rokok.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Sehingga kini, hanya Johor mempunyai undang-undang tempatan melarang penjualan vape, namun di negeri lain pembukaan kedai vape adalah tidak terkawal dan tidak berlesen

Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan  
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN  
madzaini@mediaprima.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan  
M THILLYNADAN  
thilly@bh.com.my



AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : NASIONAL

14

Nasional

Rabu, 31 Julai 2024 **BH**

# Asap vape mudah rosakkan sistem pernafasan kanak-kanak, remaja

Paru-paru individu bawah 18 tahun masih dalam proses pertumbuhan

*Iliah Hafiz Akas*  
iliahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Unsur toksik termasuk nikotin dan kafein daripada penggunaan rokok elektronik seperti vape sangat berbahaya khususnya kepada kanak-kanak dan individu di bawah usia 18 tahun, kata pakar.

Ini disebabkan paru-paru golongan berkenaan belum kuat dan masih dalam proses pertumbuhan.

Lebih membimbangkan, sel paru-paru juga akan terjejas teruk sekiranya vape dengan perasa berbahaya seperti bahan kimia dadah, diacetyl, vitamin E acetate (VEA), VOC dan irritant meresap ke dalam organ penting itu.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa

Ezat Wan Puteh, berkata vape mudah merosakkan sistem pernafasan kanak-kanak dan remaja.

Beliau berkata, pada asalnya vape khususnya di negara maju dijadikan bahan ganti rokok dan ia melalui peraturan yang ketat. Namun hari ini, vape disalah guna remaja di negara ini dan ia sangat membimbangkan.

"Vape sangat tidak sesuai digunakan kanak-kanak atau remaja kerana ia mampu merosakkan sistem pernafasan disebabkan kapasiti paru-paru mereka yang kecil.

"Ia mengandungi bahan kimia yang boleh mengundang masalah pernafasan kepada mereka yang tidak pernah merokok dan risiko ini bertambah sekiranya vape haram dijual.

"Ini kerana vape haram tidak melalui apa apa kawalan kualiti, tiada pemeriksaan keselamatan dan boleh diubah suai.

"Ia boleh turut mengandungi cecair yang mempunyai bahan kimia berbahaya seperti dadah, perasa termasuk kafein, perasa lain, diacetyl, vitamin E acetate (VEA), VOC dan irritant yang merosakkan sel paru-paru dan badan," katanya kepada *BH*, di sini, semalam.

Beliau mengulas kes pelajar



Tingkatan Empat ditemui tidak sedarkan diri selepas dipercayai menghisap vape di sebuah sekolah di Chukai, Terengganu pada 22 Julai lalu.

Pelajar lain yang menyedari kejadian itu memaklumkan perkara itu kepada pihak pengurusan sekolah jam 10.30 pagi.

## Perlu pemantauan

Mengulas lanjut, Dr Sharifa Ezat berkata, penggunaan perasa vape yang dicampur bahan kimia atau dadah sangat berbahaya kepada tubuh manusia.

"Dalam kes itu, kemungkinan vape dicampur dengan dadah atau bahan kimia lain yang berbahaya. Ada kemungkinan vape ini tidak

melalui sebarang kawalan kualiti dan ia dijual dalam kalangan rakan sebaya.

"Pemantauan tegas perlu dilakukan di kawasan sekolah atau berhampiran sekolah kerana di situ adalah kawasan di mana ramai remaja banyak berlegar," katanya.

Dalam perkembangan sama, Pengerusi Majlis Penasihat Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA), Dr Suhazeli Abdullah turut mengakui, kanak-kanak berusia bawah 18 tahun sangat tidak sesuai untuk menggunakan vape dan mengundang penyakit paru-paru iaitu E-Cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVA-

LI) dengan mudah.

"EVALI akibat kesan serius dan berpanjangan dalam pengambilan vape kerana vape berbentuk wap memberi kesan langsung kepada sel paru-paru.

"Dalam kes di Chukai, pelajar itu dipercayai mengambil 'magic mushroom' yang juga dadah terlarang. Ia sangat berbahaya kerana bahan ini mungkin masuk ke dalam darah, berbanding perasa vape lain.

"Kanak-kanak atau remaja di bawah 18 tahun masih melalui perkembangan sistem badan dan mereka didedahkan dengan vape sejak dari awal, sistem itu boleh jadi rosak. Jika dewasa boleh mengalami kerosakan paru-paru, apatah lagi kanak-kanak," katanya.

Dr Suhazeli berkata, sekiranya kanak-kanak dan remaja mendapat pendedahan vape sejak awal, akan berlaku kesan jangka panjang terhadap tahap kesihatan mereka.

Oleh demikian, beliau berkata, kerajaan hari ini perlu bertindak tegas dalam penguatkuasaan vape dalam kalangan kanak-kanak memandangkan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) sudah ada.



AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 20  
RUANGAN : LOKAL



DR Ahmad Fardi (dua dari kiri) bersama pasukannya melakukan pembedahan laparoskopik (MIS) ke atas pesakit kanser usus menggunakan kaedah Digital Laparoscopic Suite di HoSZA.



PEMBEDAHAN disiarkan di platform Google Meet serta Webex memudahkan pelajar perubatan melihat pakar melakukan pembedahan.

Oleh Zaid Salim  
am@hmetro.com.my

#### Kuala Nerus

Hospital Universiti Sultan Zainal Abidin (HoSZA) menjadi hospital pertama di pantai timur menggunakan Digital Laparoscopic Suite bagi tujuan pembedahan laparoskopik.

Pakar bedah kolorektal HoSZA Dr Ahmad Fardi Sulaiman berkata, kaedah itu mempunyai pelbagai kelebihan berbanding pembedahan secara konvensional termasuk mengurangkan tahap kesakitan pasca pembedahan, kos lebih efektif selain kadar penyembuhan pesakit lebih cepat.

"Kaedah ini dapat membantu mengecilkan luka dan kebanyakan pesakit dapat bangun dari katil dan berjalan lebih cepat.

"Pesakit juga mengalami tahap kesakitan pasca pembedahan lebih rendah berbanding pembedahan bukaan besar (laparotomi)," katanya selepas melakukan pembedahan Digital Laparoscopic Suite di HoS, semalam.

## 'Luka kecil, lagi cepat sembuh'

*Kaedah pembedahan Digital Laparoscopic Suite di HoSZA boleh ditonton secara langsung di auditorium, siaran maya*

Selain itu, Dr Ahmad Fardi berkata, Digital Laparoscopic Suite juga digunakan untuk pembelajaran pelajar perubatan Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA).

Beliau berkata kaedah itu membolehkan pembedahan dibuat secara langsung dan disiarkan secara langsung di bilik seminar, auditorium dan platform siaran maya seperti Google Meet serta Webex.

"Kaedah ini membantu doktor dan pelajar di UnisZA melihat lebih dekat apa dan bagaimana pakar melakukan pembedahan



"Kebanyakan pesakit dapat bangun dari katil dan berjalan lebih cepat"  
Dr Ahmad Fardi

tanpa mereka berada di dalam dewan pembedahan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Ahmad Fardi berkata, 371 kes kanser kolorektal direkodkan di Terengganu dari 2018 hingga 2022.

Beliau berkata, daripada jumlah itu 146 pesakit datang ke hospital dalam keadaan memerlukan pembedahan segera.

"Lebih buruk, 218 kes baharu kanser kolorektal direkodkan dari Januari hingga Julai tahun ini. Ia menunjukkan perkembangan tidak baik dan beban kesihatan ketara," katanya.

**Kuala Lumpur:** Pindaan kepada Akta Perubatan 1971 (Akta 50) adalah langkah penting bagi membetulkan ketidakaturan serta menyelesaikan kekeliruan yang timbul daripada Pindaan 2012, sekali gus meningkatkan tadbir urus latihan kepakaran dan pendaftaran pakar perubatan.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, pengenalan peruntukan baru, mekanisme pengawasan serta Jadual ke-4 dan ke-5 dalam akta itu, merupakan langkah mewujudkan kejernihan bagi memastikan ke-

## Pindaan Akta 50 selesai kekeliruan Pindaan 2012

telusan dan tanggungjawab lebih besar dalam profesion perubatan.

Beliau yang juga Presiden Majlis Perubatan Malaysia (MMC) berkata, pindaan ini mencerminkan kepercayaan kerajaan terhadap MMC sebagai badan kawal selia.

"Pindaan ini memberi gambaran jelas mengenai keperluan pemohon untuk dimasukkan ke dalam Daftar Pakar dan memasukkan pengalaman kerja pascakelayakan (PQWE) serta kompetensi dalam Seks-

yen 14B Akta ini mencerminkan komitmen Kementerian Kesihatan (KKM) untuk mengekalkan piawaian tertinggi dalam latihan dan perkhidmatan kepakaran.

"Pindaan ini diharap

**"Pindaan ini diharap menghasilkan natijah penjagaan kesihatan lebih baik dan meningkatkan kualiti latihan untuk profesional perubatan yang akhirnya lebih menjamin keselamatan pesakit"**

Ketua Pengarah Kesihatan,  
Dr Muhammad Radzi Abu Hassan

menghasilkan natijah penjagaan kesihatan lebih baik dan meningkatkan kualiti latihan untuk profesional perubatan yang akhirnya lebih menjamin keselamatan pesakit," katanya.

Justeru, beliau menyam-

but baik pindaan terhadap Akta 50 yang diluluskan Dewan Negara, semalam.

"Dengan pindaan ini, saya amat berharap profesion perubatan bergerak maju ke arah membina lembaran banaru bagi profesion ini di Malaysia, dengan semua pihak bekerjasama untuk memenuhi keperluan mendesak pakar di negara ini tanpa menjejaskan kualiti," katanya.

Beliau berharap pakar baharu yang dimasukkan ke dalam Daftar Pakar berusaha menggunakan ke-

mahiran dan kepakaran mereka dalam berkhidmat kepada negara khususnya kepada golongan kurang bernasib baik.

Terdahulu, Rang Undang-Undang Perubatan (Pindaan) 2024 yang antara lain bertujuan memberikan kuasa kepada MMC mengiktiraf kelayakan serta latihan kepakaran bagi tujuan pendaftaran pengalaman perubatan dan pakar, diluluskan Dewan Negara kelmarin selepas rang undang-undang itu dibahas 14 senator.



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 19  
RUANGAN : MUKA HADAPAN K2

AKHBAR  
KOSMO


**K2**  
Menyelami  
Hidup Anda

MAMU 31.07.2024

# Mengawal hipertensi

HIPERTENSI yang juga dikenali sebagai tekanan darah tinggi adalah satu keadaan perubahan di mana tekanan tinggi yang berterusan di dalam salur darah arteri dan berpotensi membawa kepada pelbagai komplikasi kesihatan jika tidak dikawal.

**Kosmo!**





AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 20  
RUANGAN : K2

# Pesakit darah tinggi semakin muda



Rencana Utama

Oleh FARID AHMAD TARMIJ

**S**EBELUM ini, Riduan Ahmad sering mengalami pening kepala. Kerana rasa kurang selesa, dia kemudian pergi ke klinik untuk mendapatkan rawatan dan sewaktu pemeriksaan dilakukan tekanan darahnya didapati tidak normal.

"Doktor kemudian mengesahkan saya berhadapan dengan masalah hipertensi atau tekanan darah tinggi.

"Untuk mengawal masalah hipertensi ini saya harus untuk mengambil ubat," katanya yang kini berusia 38 tahun kepada K2.

Tambahnya, dia mengakui masalah obesiti dan tidak menjaga pemakanan mungkin menjadi faktor penyumbang kepada hipertensi yang dialaminya.

Hipertensi yang juga dikenali sebagai tekanan darah tinggi ialah satu keadaan perubatan di mana tekanan tinggi yang berterusan di dalam salur darah arteri dan ia berpotensi membawa kepada pelbagai komplikasi kesihatan jika tidak dikawal.

Malah, berdasarkan laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan & Morbiditi (NHMS) 2023 mendedahkan 29.2 peratus atau satu daripada tiga dewasa di Malaysia mengalami hipertensi atau tekanan darah tinggi.

Sebanyak 17.3 peratus mengetahui bahawa mereka mengalami masalah itu dan 11.9 peratus tidak mengetahui mereka



Kini umur untuk mendapat masalah itu juga semakin rendah dan cuba bayangkan jika pesakit itu merupakan tulang belakang yang menyara keluarga secara tiba-tiba mendapat serangan jantung dan strok."

DR. NIK SHERINA

**HIPERTENSI** merupakan faktor risiko utama penyakit kardiovaskular seperti serangan jantung.

**BAWAH:** Apa yang penting ialah perlunya sentiasa mengawal tekanan darah tinggi. - MUHAMAD IQBAL ROSLI



mengalami tekanan darah tinggi.

Golongan 18 hingga 39 tahun merupakan umur dengan peratusan tertinggi tidak mengetahui mereka menghidap hipertensi.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bahkan melaporkan bahawa hipertensi adalah masalah serius kerana menjejaskan lebih 1.28 bilion orang dewasa di seluruh dunia.

Oleh kerana itu, dalam usaha untuk mempromosikan pendidikan awam tentang hipertensi dan membantu ke arah kawalan hipertensi yang optimum di negara ini, Persatuan Hipertensi Malaysia (MSH) telah menganjurkan Kongres Saintifik Tahunan (ASC) ke-19 2024 baru-baru ini di Kuala Lumpur.

Tema kongres tahun ini adalah 'Meningkatkan Pengurusan Penyakit Kardiovaskular dan Metabolik Melalui Penglibatan Pelbagai Pihak' yang menekankan bahawa hipertensi bukan sekadar angka.

Hipertensi sangat berkait rapat dengan gangguan kardiovaskular dan metabolik yang perlu diuruskan dengan baik.

Timbalan Presiden MSH, Prof. Dr. Nik Sherina Hanafi berkata, hipertensi adalah 'pembunuh senyap' di mana seseorang boleh mengalami masalah itu tanpa menyedarinya.

Menurutnya, hipertensi ialah masalah yang membimbangkan kerana ia merupakan faktor risiko utama untuk penyakit kardiovaskular seperti serangan jantung dan strok.

"Apa yang lebih merisaukan jika seseorang itu mempunyai masalah empat serangkai iaitu hipertensi, obesiti, kencing manis dan kolesterol, risiko untuk mereka mendapat serangan jantung dan strok sangat tinggi.

"Malah, kini umur untuk mendapat masalah itu juga semakin rendah dan cuba bayangkan jika



DR. NIK SHERINA

pesakit itu merupakan tulang belakang yang menyara keluarga secara tiba-tiba mendapat serangan jantung dan strok," katanya.

Oleh yang demikian mencegah adalah lebih baik daripada merawat dan masyarakat perlu cakna bagi mengelakkan perkara itu terjadi pada diri mereka.

Mengulas lanjut, Dr. Nik Sherina berkata, apa yang penting adalah kita perlu mengawal tekanan darah tinggi.

"Kita perlu faham tentang bacaan tekanan darah dan jika bacaannya adalah 140/90 itu bermakna kita ada hipertensi.

"Sebolehnya kita mahu bacaan kurang daripada itu dan jika bacaannya sekitar 120/80, ia bagus," terangnya.

Malah, kini mereka yang masih muda juga tidak terkecuali berhadapan dengan hipertensi.

Hal ini berlaku kerana kadar obesiti dalam kalangan kanak-kanak itu sendiri yang semakin meningkat.

Dr. Nik Sherina menjelaskan, obesiti dalam kalangan kanak-kanak ini berbahaya dan jika tidak dijaga pada usia muda mereka boleh berhadapan dengan masalah ini.

"Ketika saya belajar dahulu, usia 35 tahun adalah usia muda untuk hipertensi tetapi kini ada yang berusia seawal 20 tahun telah berhadapan dengan masalah ini.

"Oleh itu, kini seawal usia 18 tahun sebaiknya kita melakukan pemeriksaan



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 21  
RUANGAN : K2

Kosmo/RABU 31 JULAI 2024

hipertensi dan dilakukan setahun sekali," terangnya.

Tambahnya, antara sebab utama masalah hipertensi ini adalah kerana disebabkan masalah obesiti, genetik dan pemakanan yang tidak sihat dan kebanyakan masyarakat kita gemar mengambil makanan yang masin.

Dalam pada itu, pakar kardiologi dan Pengerusi Bersama CVS Saintifik, Dr. Thum Chan Ho berkata, mengawal hipertensi adalah penting kerana masalah ini memberi risiko kepada jantung.

"Kita mahu memperkasa pesakit supaya mereka mengenali dan menanganai akan masalah empat serangkai yang memberi risiko kepada jantung.

"Pesakit perlu tahu bagaimana untuk menjaga pemakanan, senaman dan juga faham akan keperluan mengambil ubat.

"Tambahnya pula sekarang viral bahawa pengambilan ubat tidak bagus sedangkan ubat diperlukan oleh pesakit," jelasnya.

Tambahnya, dalam banyak keadaan pesakit memerlukan ubat untuk mengawal hipertensi.


Selain itu, gaya hidup adalah satu faktor yang penting untuk mengawal masalah hipertensi.

Sebolehnya, luangkan masa untuk bersenam dan jaga pemakanan untuk mengurangkan berat badan.

"Kalau kita boleh kawal berat badan, tekanan darah boleh turun.

"Malah, pengambilan ubat hipertensi juga boleh dikurangkan apabila pesakit kurangkan berat badan dan tekanan darah akan turun dengan sendiri," ujar Dr. Chan Ho.

Sementara itu, mengulas tentang peningkatan masalah hipertensi, Pengerusi ASC 2024, Datuk Seri



TEKANAN darah yang baik adalah 120/80. – GAMBAR HIASAN

Dr. Azhari Rosman berkata, antara salah satu sebabnya adalah kerana perubahan dalam masyarakat itu sendiri.

"Kini berat badan, cara pemakanan dan gaya hidup masyarakat berubah sehingga menyebabkan mereka berhadapan dengan faktor risiko hipertensi

"Selain itu, jumlah saringan juga meningkat dan sebab itu kita boleh kesan lebih ramai yang ada masalah

ini," terangnya.

Bahkan, angka yang menunjukkan satu daripada tiga berhadapan dengan hipertensi adalah sesuatu yang tinggi.

Dr. Azhari menjelaskan, hipertensi merupakan satu petanda yang boleh membawa pesakit ke satu jalan yang 'berbahaya'.

"Bila seseorang itu berdepan hipertensi pada umur yang relatif muda ia boleh dikatakan menuju ke jalan yang bahaya untuk berhadapan dengan masalah lain jika tidak dikawal.

"Kini, satu daripada tiga populasi kita yang disaring mempunyai hipertensi dan jika tidak dikawal untuk 10 atau 15 tahun akan datang ia akan menimbulkan banyak masalah," katanya.

**INFO**  
**Hipertensi**

- Dikenali juga sebagai tekanan darah tinggi
- Satu keadaan di mana tekanan tinggi yang berterusan di dalam salur darah arteri dan berpotensi membawa kepada pelbagai komplikasi kesihatan jika tidak dikawal
- Satu daripada tiga dewasa di Malaysia berhadapan dengan masalah hipertensi



PENDEKATAN mengenal hipertensi atau tekanan darah tinggi perlu dipergiatkan dalam masyarakat. – GAMBAR HIASAN

Scan the QR Code

Go to [www.slido.co](http://www.slido.co) & key in event code #MSH2024



MSH menganjurkan Kongres Saintifik Tahunan (ASC) 2024 di Kuala Lumpur baru-baru ini.



DR. ISKANDAR MIRZA

**RDN rawatan alternatif mengawal darah tinggi**

HIPERTENSI atau tekanan darah tinggi kini menjadi satu masalah yang membimbangkan di Malaysia.

Tambahan pula, jumlah mereka yang berhadapan dengan penyakit itu juga semakin meningkat.

Oleh yang demikian, mereka yang mempunyai masalah hipertensi ini perlu mengawal dengan baik.

Mereka yang dinasihati oleh pakar perubatan untuk mengambil ubat bagi mengawal masalah itu dan perlulah mengikutinya.

Namun begitu, ada juga yang tidak dapat mengawal tekanan darah dengan baik meskipun telah menggunakan tiga atau lebih ubat darah tinggi.

Pakar Perubatan Dalaman, Institut Jantung Negara, Dr. Iskandar Mirza Amran berkata, Renal Artery Denervation (RDN) merupakan rawatan alternatif jika tekanan darah tidak dapat dikawal dengan baik.

Menurutnya, RDN merupakan satu prosedur untuk merawat hipertensi menggunakan alat kateter.

"Rawatan ini adalah untuk kurangkan tekanan darah yang tidak dapat dikawal dengan baik walaupun lebih tiga ubat darah tinggi diambil.

"Selain itu, ada setengah pesakit yang tidak boleh mengambil ubat kerana alergik terhadap ubat dan kita boleh tawarkan rawatan ini kepada mereka," katanya.

Tambahnya, rawatan ini dapat membantu menurunkan tekanan darah pesakit darah tinggi.

Mengulas lanjut, Iskandar Mirza menjelaskan, melalui rawatan RDN, ia akan merosakkan salur saraf di bahagian arteri buah pinggang.

"Arteri ini yang akan menyebabkan tekanan darah meningkat dan bagi pesakit yang buah pinggang telah rosak, hipertensi akan menjadi semakin teruk.

"Jadi kateter akan dimasukkan ke dalam salur darah di bahagian paha dan pergi terus ke buah pinggang di bahagian kanan dan kiri.

"Kemudian, akan ada radiofrekuensi ablation bagi merosakkan saraf di bahagian arteri buah pinggang bagi mengurangkan aktiviti saraf yang meningkatkan tekanan darah," jelasnya.

Tambahnya, dengan menurunkan aktiviti itu kesannya akan berterusan dan tekanan darah akan turun dan pesakit boleh mengurangkan satu atau dua biji ubat dengan rawatan ini.



AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NASIONAL

## Henti jual aiskrim ubat batuk - KKM

**SHAH ALAM** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengarahkan semua premis yang menjalankan aktiviti penjualan produk aiskrim dicampurkan ubat batuk dihentikan serta-merta bagi tujuan keselamatan pengguna.

KKM berkata, semakan terhadap aktiviti penjualan tersebut di premis yang ditularkan mendapati bahawa aiskrim berkenaan disediakan bersama picagari yang berisi ubat batuk Pei Pa Koa.

Menurutnya, ia dilaksanakan menerusi Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM).

"Pei Pa Koa (Cap Ibu dan Anak) merupakan produk berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, KKM di bawah kategori tradisional dengan nombor pendaftaran MAL06061564T.

"Ia digunakan untuk melegakan sakit tekak dan batuk yang mana

kontraindikasi bagi wanita hamil seperti yang dinyatakan pada label.

"Di bawah Seksyen 13B (2), Akta Makanan 1983 tidak membenarkan penyediaan atau penjualan apa-apa makanan yang diadukkan. Sekiranya disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Tambah KKM, semua media pengiklanan termasuk platform e-dagang dan media sosial hendaklah menghentikan penyiaran iklan makanan tersebut.

Katanya, pihak industri makanan diingatkan supaya bertanggungjawab untuk memastikan semua produk makanan yang dijual mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan walaupun bagi tujuan untuk pemasaran serta melariskan jualan.



AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : NASIONAL

12 NASIONAL  
SINAR HARIAN • RABU 31 JULAI 2024

TELUS & TULUS  
**Sinar**  
Harian  
www.sinar.com.my  
TELUS & TULUS • MATA

## Dos berlebihan vape boleh bawa maut

Kajian menunjukkan cecair vape mampu bunuh sel paru-paru, hati, otak dan lapisan kulit

Oleh NURHIDAYAH HAIROM  
SHAH ALAM

Pengguna rokok elektronik atau vape berdepan risiko kesehatan yang boleh membawa maut, daripada pengambilan bahan terkandung dalam peranti berkenaan dengan dos berlebihan.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Dr Safiya Amaran berkata, terdapat pelbagai jenis bahan perisa di pasaran yang difikirkan tidak berbahaya, namun terdapat kajian yang jelas menunjukkan cecair vape mampu membunuh sel paru-paru, hati, otak dan lapisan kulit.

Menurutnya, pengguna remaja khususnya, sukar mengenali pasti kadar dos bahan yang terkandung dalam peranti yang digunakan, ditambah dengan tindakan berani setengah mereka yang membuat kombinasi dengan bahan terlarang lain seperti alkohol dan dadah, meningkatkan lagi risiko buruk terhadap fizikal dan mental.

"Nikotin serendah 2 miligram (mg) sudah boleh menyebabkan gangguan pada perut dan usus manakala dos yang lebih tinggi boleh me-

nyebabkan kesan yang lebih teruk, antaranya sawan dan kegagalan pernafasan. Nikotin pada paras 50-60mg pula boleh menyebabkan kematian pada orang dewasa dengan berat 70 kilogram. Apatah lagi bagi kanak-kanak dan remaja.

"Ramai tidak tahu yang kandungan nikotin di dalam rokok elektronik (0-36mg) boleh jadi lebih tinggi berbanding rokok tembakau (10-12mg)," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Beliau mengulas kesan buruk pengambilan vape tanpa kawalan susulan kes seorang pelajar Tingkatan Empat di Kemaman yang mengalami sawan dan tidak sedarkan diri dipercayai selepas mengambil *magic mushrooms*.

Tambahnya, perisa *mushroom* itu sendiri berasal daripada spesies cendawan dalam genus *Psilocybe* yang mengandungi bahan aktif utama psilosibin iaitu sejenis halusinogen yang sangat kuat.

Jelasnya, apabila psilosibin diambil, badan akan menukarkannya kepada bahan lain iaitu psilosin yang akan mengaktifkan reseptor serotonin dalam otak, terutamanya di bahagian yang mengawal mood, kognitif dan persepsi.

"Oleh kerana vape membenarkan akses yang cepat, ia akan membolehkan psilosibin masuk ke dalam sistem pernafasan sehingga menyebab-



DR SAFIYA

kan terlebih dos yang boleh membahayakan pengguna atau lebih teruk sehingga membawa maut.

"Ini biasa berlaku terutamanya bagi pengguna yang tidak terbiasa dengan dos psilosibin yang tepat," ulasnya.

Sehubungan itu beliau menegaskan, kerajaan perlu memperketat pengawalseliaan sistem jualan vape di negara ini, termasuk memantau kandungan dalam cecair vape, yang terkandung dalam Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

"Harapnya pelaksanaannya akan bermula 1 Ogos 2024 seperti dirancang dan tidak ditangguh lagi.

"Penguatkuasaan akta ini perlu diberi perhatian khusus oleh kerajaan dan dijalankan dengan berstrategi melibatkan pelbagai agensi yang relevan dan bukan hanya Kementerian Kesihatan Malaysia supaya ia efektif dan efisien.

"Ramai menyangka vape lebih selamat, tapi data jelas berbeza. Data di Amerika Syarikat menunjukkan bilangan kematian dan bilangan pesakit yang memerlukan rawatan hospital akibat vape semakin meningkat saban tahun. Pesakit bukan sahaja alami kecederaan paru-paru yang parah, malah ramai yang alami masalah gangguan fungsi hati yang serius," katanya.



AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 29  
RUANGAN : NEGERI

## Padah ceroboh asrama jururawat

Lelaki mengaku salah  
dan didenda RM4,000  
oleh mahkamah

Oleh NORAFIDAH ASSAN  
KUALA PILAH

Seorang pembantu perawat kesihatan didenda RM4,000 selepas mengaku salah menceroboh asrama jururawat wanita di Mahkamah Majistret di sini pada Selasa.

Tertuduh, Muhammad Fazlin Mat Fuad, 35, didakwa menceroboh dengan niat melakukan satu perbuatan menyalahi undang-undang di sebuah asrama jururawat (wanita) Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN), Kuala Pilah tanpa kebenaran.

Dia dituduh melakukan perbuatan itu kira-kira jam 1.33 pagi pada 20 April lalu.

Oleh itu, tertuduh telah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda maksimum RM 5,000 atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Khairunnisa Zainudin di hadapan Majistret Saiful Sayoti.



Muhammad Fazlin (kanan) keluar dari mahkamah sebaik membayar denda di Mahkamah Majistret Kuala Pilah.

Mengikut fakta kes, pengadu seorang wanita ketika berada di pejabat asrama jururawat hospital mendapat tahu daripada seorang pengawal keselamatan bertugas mengenai kejadian individu ceroboh masuk di asrama berkenaan.

Pengadu memeriksa kamera litar tertutup (CCTV) dan melihat seorang lelaki dikenali memasuki ke dalam asrama.

Terdahulu, Khairunnisa dalam hujahannya memohon hukuman setimpal dengan mengambil kira tempat tertuduh menceroboh adalah kawasan tertuduh bekerja.

"Pihak pendakwaan mohon hukuman lebih berat sebagai pengajaran kepada tertuduh yang mana sebagai orang bekerja perlu mematuhi dan mengetahui undang-undang di tem-

pat kerja," tegasnya.

Bagaimanapun, tertuduh dalam rayuannya melalui peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Mohamad Faisal Jaafar memohon jumlah denda minimum berikutan adalah kesalahan kali pertama anak guamnya.

Saiful sebelum menjatuhkan hukuman menegaskan mahkamah mengambil kira isu kepentingan awam dan tindakan berbahaya diambil tertuduh boleh mengancam keselamatan pelajar atau pekerja di hospital berkenaan.

"Hukuman sewajarnya dikenakan sebagai pengajaran kepada kamu dan orang awam agar tidak melakukan kesalahan sama," katanya.

Mahkamah turut menetapkan hukuman penjara tujuh bulan sekiranya tertuduh gagal membayar denda.



AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NATION

THE STAR, WEDNESDAY 31 JULY 2024

Nation 5

# Heatwave puts food safety at risk

Expert: Temperatures in hot weather promote growth of food-spoiling bacteria

By RAGANANTHINI VETHASALAM  
raga@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The sweltering weather may not only be risky for the body but also food safety, say health experts.

Prof Dr Victor Hoe of Universiti Malaya said food has the potential to turn bad easily under extremely hot weather.

"Food bought from stores and restaurants should be consumed within four hours when kept outside in a cool environment.

"However, during extreme hot weather, food can spoil more easily," said the Professor of

Occupational and Environmental Health.

Bacteria that cause food-borne illnesses, such as Salmonella and E. coli, grow more easily (at temperatures) between 4°C and 60°C. Therefore, it is crucial to keep food either hot (above 60°C) or cold (below 4°C) to prevent bacterial growth," he added.

Agreeing with Prof Hoe, former health ministry official and public health expert Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said extreme temperatures or prolonged room temperature exposure can affect food.

Therefore, he said, it is essential

to store food at the right temperature or in a container.

"Bacterial growth can cause food poisoning," he said.

Meanwhile, Prof Hoe said extreme heat also poses significant health risks, including heat-related illnesses such as heat exhaustion, heatstroke and heat cramps.

"When the body cannot cool itself effectively, its temperature can rise rapidly, leading to potentially fatal conditions. Heat can exacerbate chronic illnesses like cardiovascular disease, diabetes and asthma," he said.

"Vulnerable populations,

including older adults, children, and those with pre-existing health conditions, are at higher risk."

Prof Hoe advised the public to stay indoors and use air conditioning if possible; avoid strenuous activity, especially when it is extremely hot outside; wear lightweight, light-coloured, and loose-fitting clothing; and take cool showers or baths to lower the body temperature.

"Drink plenty of fluids, even if you do not feel thirsty. Water is the best. In normal weather, we advise individuals to take at least six to eight glasses of water a day. In hot weather, you need to con-

sume much more," he said.

Avoid alcohol, caffeine and sugary drinks, as they can lead to dehydration," he added.

He said people should also be aware of signs of heat-related illnesses such as heavy sweating, weakness, dizziness, nausea and muscle cramps.

They should also be mindful of the changes in the colour and quantity of the urine.

"Know the colour and amount of urine; if the urine turns to dark yellow and in small amounts, it indicates dehydration, and you need to drink plenty of water," he said.



AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : NATIONAL

## Ministry improving medical services

**KUALA LUMPUR:** The Health Ministry will work to ensure that the availability of medical experts is in line with infrastructure development according to local needs, said its minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said the matter was discussed at a meeting he chaired on Monday.

"*InshaAllah*, I will ensure two things. First, for infrastructure development to be in line with local needs. I admit in many areas, there are still overcrowding, poor facilities, or both. But this is being addressed not only in Sabah and Sarawak but also in Johor and Kelantan.

"Second, to deal with the problem of uneven distribution of human resources by ensuring that planning and distribution of resources are in line with infrastructure development and needs at the grassroots." – Bernama



AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NATIONAL

WEDNESDAY | JULY 31, 2024

NATIONAL 3

# Complete vaccination or **face action**, ministry staff told

BY SIVANISVARRY MORHAN  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** A circular issued on July 12 by the office of the Education Ministry secretary-general warned all ministry employees that disciplinary action would be taken against them if they failed to obtain complete Covid-19 vaccinations.

It said the warning was issued in light of Service Circular No. 4/2021, Covid-19 Immunisation Implementation Policy for Federal Public Service Officers.

"To ensure smooth administration of the policy, relevant officers must submit all proof of disciplinary action (that has been taken) to the state education department or ministry before July 31."

The circular warned department heads that action would be taken

against them as per Regulation 3C (1) and (2), Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993 if they failed to submit their reports to disciplinary authorities.

The warning has been issued despite global controversy about the need for Covid-19 vaccinations and a class action suit initiated on May 23 by the Malaysian Muslim Consumers Association (MMCA) against the government on behalf of eight individuals.

In the suit, the plaintiffs claim they or their next of kin suffered health damage or died after being

forced to take the vaccine with unproven safety and efficacy records and some faced discrimination at work for being unvaccinated.

After the circular came to light, a teacher complained on the "Kami Guru Malaysia" Facebook page that her school took disciplinary action against her for not taking the Covid-19 booster shot.

MMCA urged those affected by vaccination related issues to submit official complaints so that appropriate action can be taken.

Its chief activist Datuk Nadzrim Johan said: "Disciplinary action

taken against ministry staff for declining to take the Covid-19 vaccination constitutes a violation of Article 2 of the Federal Constitution, which is a serious breach of human rights."

However, National Union of the Teaching Profession secretary-general Fouzi Singon said the disciplinary action against the teacher for not taking the Covid-19 booster dose is justified.

"The action is in line with service regulations that public servants must follow. Public service officers, including teachers, who refuse to take the booster dose should face disciplinary action."

Congress of the Union of Teachers in the Public Service secretary-general Mohd Azizee Hasan said teachers facing disciplinary action can discuss the matter with their school heads.

"If they cannot get the booster dose, they need to provide evidence to the school."

Nadzrim said it is important for the public, including civil servants, to understand they have rights and should not be afraid to claim them.

"Teachers are not slaves and it is important to address their concerns. MMCA will fight against whoever takes advantage of their rights."

"It is important to explore alternative paths when necessary. Lodge a report with the relevant ministry and if nothing is done, reach out to Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim as he is open to receiving public complaints."

In 2021, the government approved financial assistance for local and foreign nationals who experienced adverse effects after taking the Covid-19 vaccine.

On July 11, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said over nine million doses of Covid-19 vaccines procured during the pandemic had expired as of June, resulting in a RM185 million loss for the government.



The circular requires department heads to submit proof of disciplinary action taken against employees who have not completed their vaccinations. - BERNAMAPIC